



## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### KENYATAAN AKHBAR

#### ISU PENJUALAN UDANG GALAH YANG DIDAKWA MEMUDARATKAN KESIHATAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum isu yang tular di media sosial dan laporan pihak media massa ada 13 Ogos 2018 berkaitan isu lambakan udang galah murah di Malaysia yang didakwa telah menyebabkan gatal-gatal, badan bengkak, bengkak hidung, mata berair serta cirit-birit.

KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan akan terus menjalankan pemantauan ke atas makanan di pasaran tempatan dan di semua pintu masuk negara. Sejak 1 Januari 2005, semua konsainan udang (termasuk udang galah) yang diimport perlu disertai dengan Sijil Kesihatan yang memberi jaminan bahawa konsainan udang tersebut adalah bebas daripada bahan terlarang yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa (*Competent Authority*) negara pengeksport terlibat. Sekiranya Sijil Kesihatan ini tidak disertakan, konsainan udang berkenaan tidak dibenarkan masuk ke negara ini.

Bagi tujuan pemantauan, pada tahun 2017, sejumlah 183 sampel udang import telah diambil di pintu masuk negara manakala sejumlah 56 sampel udang import telah diambil di pintu masuk negara bagi tempoh Januari sehingga Julai 2018. Kesemuanya telah didapati mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Di dalam isu penjualan udang galah murah ini, KKM akan terus meningkatkan pemantauan ke atas produk tersebut di pintu masuk negara dan di pasaran tempatan bagi memastikan pematuhan ke atas perundangan makanan. Di samping itu, KKM juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Semua makanan yang diimport ke negara ini perlu mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Adalah menjadi tanggungjawab pihak terlibat seperti pengimport, agen, penjual dan sebagainya untuk memastikan produk makanan yang diimport dan dijual di pasaran mematuhi perundangan makanan.

Di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983 telah menetapkan bahawa mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat, atau hubungi KKM melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq).

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**14 OGOS 2018**